

Headline **Prostar bentuk mindapositif**
Date **24 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **Noor Ainulyakin Mohamad Ishak**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S29**
Article Size **195 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,073**
PRValue **3,218**



Prostar bentuk minda positif

NOOR AINULYAKIN MOHAMAD ISHAK

SHAH ALAM – Pelajar sekolah menengah mencungkil bakat sastera masing-masing apabila menyertai Program Gema Prostarian 2 anjuran Kelab Prostar Malaysia di SACC Mall baru-baru ini.

Presidennya, Dr Ismail Lasa berkata, program sehari itu bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat umum mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, HIV/Aids dan penyakit lain.

Menurutnya, pendedahan untuk mencegah penyakit itu dari peringkat awal sangat penting khasnya memberi pendedahan kepada pelajar sekolah supaya mereka bijak memilih jalan hidup sihat pada masa depan.

"Cara penyampaian juga bukan sahaja melalui kelas atau iklan di media, namun dengan dunia sastera juga, mesej mengenai masalah dadah dan sebagainya ini dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

"Secara tidak langsung juga, melahirkan bakat muda yang ada kelebihan dalam bidang yang mereka gemari se-



● DR ISMAIL LASA

perti mendeklamasi puisi, lagu patriotik, lakonan, berpantun dan banyak lagi," katanya dalam ucapan program berkenaan, baru-baru ini.

Hadir merasmikan majlis, Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said yang turut tidak melepaskan peluang mendeklamasikan sebuah puisi kepada tetamu.

Ismail Lasa berkata, pada program Gema berkenaan, pelbagai pertandingan diadakan bagi mencungkil bakat pelajar dari sekolah sekitar negeri ini untuk menunjukkan keprihatinan mereka melalui cara mereka sendiri.

"Misalnya pertandingan mendeklamasi puisi, nyanyian lagu patriotik, dikir barat dan lain-lain.

"Memang tidak dinafikan pelajar ini mempunyai bakat yang luar biasa yang boleh diteruskan untuk terus memartabatkan dunia sastera dan berpegang pada dunia Melayu yang unik dan penuh adat kesopanan," katanya.

INFO

PROSTAR singkatan Program Sihat Untuk Remaja yang dahulunya dikenali Program Sihat Tanpa Aids Untuk Remaja.

Program dibentuk khas Kementerian Kesihatan dengan sokongan serta kerjasama agensi berkaitan dalam usaha memperkasakan pengetahuan dan tingkahlaku remaja ke arah amalan cara hidup sihat terutamanya dari aspek pencegahan dan kawalan HIV/Aids.

Selain itu, objektif lain adalah menyemai sikap positif remaja agar prihatin masalah HIV yang dikaitkan dengan gejala sosial yang melanda remaja masa ini.